

Perjuangan Sultan Abu Bakar dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1895

Sultan Abu Bakar's Struggle to Defend the Sovereignty of Johor, 1862–1895

Muhammad Izuan bin Abdul Rahman¹, Muhamad Hasrul Zakariah² & Azmi Arifin³

^{1, 2&3} Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

*Corresponding author: izuanrhmn@gmail.com

Received: 24 July 2025; Accepted: 1 September 2025

Abstrak

Kajian ini membincangkan peranan golongan pemerintah dalam mempertahankan kedaulatan negerinya daripada kemaraan imperialisme British. Dalam konteks Tanah Melayu, kebanyakan sarjana cenderung menghujahkan bahawa penentangan terhadap penjajah di Tanah Melayu dirintis dan hanya digerakkan oleh golongan rakyat. Pada masa yang sama, golongan istana iaitu raja-raja Melayu digambarkan kurang berperanan dalam mempertahankan kedaulatan tanah air mereka. Sebaliknya, mereka bersubahat menghalalkan penjajahan pihak British ke atas negeri mereka. Merujuk sejarah perjuangan Sultan Abu Bakar dalam mempertahankan kedaulatan Johor, tulisan ini akan menganalisis sejauh mana golongan pemerintah memainkan peranan dalam menentang penjajah. Adakah raja atau sultan Melayu hanya berdiam diri dan berpeluk tubuh melihat campurtangan dan penjajahan British di negeri mereka? Bersandarkan sumber-sumber arkib, metodologi penyelidikan disiplin sejarah dan analisis kualitatif, kajian ini akan memperincikan inisiatif dan pendekatan yang diambil oleh Sultan Abu Bakar dalam menyekat kemaraan imperialisme British bagi memelihara kedaulatan negeri Johor. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa golongan pemerintah turut memainkan peranan yang signifikan dalam mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negerinya.

Kata Kunci: Sultan Abu Bakar, Johor, imperialisme British, kedaulatan tanah air

Abstract

This study examines the role of the ruling elite in defending their state's sovereignty against the advance of British imperialism. In the context of the Malay Peninsula, most scholars argue that resistance against colonial powers was initiated and mobilised primarily by the common people. At the same time, the royal class—the Malay rulers—are often portrayed as having played less role in safeguarding their homeland's sovereignty. On the contrary, they are frequently accused of colluding to legitimise British colonial domination over their territories. Referring to the historical struggle of Sultan Abu Bakar in defending Johor's sovereignty, this paper analyses the extent to which the ruling class played a role in resisting colonial incursions. Were the Malay

rulers mere passive observers who allowed British intervention and colonisation in their states? Drawing upon archival sources, the methodological framework of historical research and qualitative analysis, this study will examine in detail the initiatives and strategies undertaken by Sultan Abu Bakar to curb the advance of British imperialism and preserve the sovereignty of the state of Johor. The findings of this study demonstrate that the ruling elite also played a significant role in defending the sovereignty and independence of their state.

Keywords: *Sultan Abu Bakar, Johor, British imperialism, sovereignty*

Pengenalan

Persoalan mengenai peranan golongan pemerintah di Tanah Melayu dalam mempertahankan kedaulatan tanah air sememangnya mencetuskan pelbagai tafsiran dalam kalangan sarjana. Sarjana seperti Syed Husin Ali (2014), Chandra Muzaffar (2020), Shahrudin Maaruf (2014) dan Mahayuddin Haji Yahya (2001) cenderung menjatuhkan pengadilan moral dengan menghujahkan pemerintah dan elit-bangsawan Melayu bersikap pasif dan tidak komited dalam mempertahankan kedaulatan tanah air mereka. Mereka berpendapat pemerintah Melayu tidak berperanan penting dalam perjuangan menentang penjajahan, sebaliknya bersubahat dengan menghalalkan penjajahan British demi menjamin status dan kedudukan mereka. Golongan pemerintah Melayu juga digambarkan lebih selesa berada di dalam ‘sangkar emas’ British dan hanya berjuang untuk mempertahankan ‘*status quo*’ mereka. Stigma ini seterusnya merantai kerangka pemikiran para sarjana sewaktu mengupas isu perjuangan mempertahankan kedaulatan tanah air.

Pandangan seperti ini bukanlah satu perkara baharu. Sebelum ini, imej negatif tentang elit dan pemerintah Melayu telah dibawa dalam catatan kolonial. Antaranya kenyataan yang dikeluarkan oleh pegawai kolonial British bahawa kehadiran mereka di Tanah Melayu adalah atas jemputan dan pelawaan daripada pemerintah Melayu sendiri. Frank Swettenham misalnya sewaktu berucap di *Royal Colonial Institute* pada 31 Mac 1896 menyatakan bahawasanya kehadiran British di Tanah Melayu adalah atas jemputan daripada pemerintah Melayu yang mengutus surat “...asked for the Governor’s assistance to secure his birthright, and also requested that a British officer might be sent to him to teach the art of administration” (Paul H. Kratoska, 1983. 175). Pandangan ini secara tidak langsung membina imej pensubahatan dan meminggirkan peranan golongan pemerintah Melayu dalam arus perjuangan mempertahankan kedaulatan tanah air. Persoalannya, sejauh manakah pernyataan di atas boleh dipertahankan? Adakah benar bahawa tiada sebarang tindakan atau inisiatif diambil oleh pemerintah Melayu untuk mempertahankan kedaulatan negeri dan kerajaan yang diperintahnya atau setidak-tidaknya melengah-lengahkan serta meminimumkan kemaraan kuasa penjajah? Dengan merujuk kepada peranan pemerintah Johor iaitu Sultan Abu Bakar ibni Almarhum Temenggung Ibrahim (m.m 1862-1895) sebagai kajian kes, makalah ini akan membuktikan bahawa golongan pemerintah turut memainkan peranan penting dalam perjuangan menyekat kemaraan penjajahan dan mempertahankan kedaulatan tanah air.

Reformasi Perundangan dan Pembaharuan Pentadbiran Negeri sebagai Alternatif Mencegah Imperialisme British

Seperti juga yang dilaksanakan oleh para pemerintah di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah, Johor juga mengambil langkah tersendiri dalam menghadapi cabaran era

awal penjajahan. Dalam usaha untuk mengekang perluasan kuasa British di negeri itu, pemerintah Johor iaitu Sultan Abu Bakar mengambil pendekatan untuk mereformasi sistem perundangan dan memodenkan pentadbiran negeri. Sedar akan percanggahan sistem perundangan Johor dengan Barat yang boleh menjadi “duri dalam daging” yang merantai hubungan diplomatik Johor dengan pentadbiran British di Singapura, Sultan Abu Bakar segera menyemak semula sistem perundangan yang digunapakai di negeri itu sejurus mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Johor pada tahun 1862 (SSR R-339 18 Jun 1861). Bagi menjayakan agenda tersebut, pemerintah Johor itu bertindak mengarahkan pentadbir Melayu yang mempunyai pengalaman dan latar belakang dalam bidang perundangan seperti Dato’ Jaafar Mohammad dan Muhammad Ibrahim Munsyi dengan bantuan penasihat-penasihat Eropahnya untuk menjalankan semakan semula terhadap Undang-undang Johor (SSR W48 Vol. I/II, 28 September 1863). Dengan menjadikan *Penal Code* yang diguna pakai oleh pentadbiran British di Singapura sebagai garis panduan, sistem perundangan Johor yang sebelum ini berteraskan gabungan hukum Islam dan adat digantikan dengan “*Kod Jenayah Johor*” yang merupakan saduran daripada “*Penal Code*” British. Tindakan Sultan Abu Bakar menjalankan semakan semula sistem perundangan Johor secara tidak langsung meredakan ketegangan diplomatik antara kerajaan Johor dengan pentadbiran British di Singapura. Malah, tindakan tersebut disambut baik oleh Gabenor Negeri Selat di Singapura.

Kedudukan geografi Johor yang hampir dengan pusat pentadbiran British di Singapura serta terkepung di bahagian selatan dan utara oleh dua buah Negeri Selat iaitu Singapura dan Melaka, secara tidak langsung mendedahkan Johor dengan ancaman imperialisme British. Oleh sebab itu, selain menjalankan reformasi perundangan, Sultan Abu Bakar giat memperbaharui struktur pentadbiran negeri agar selari dan seragam dengan pentadbiran British di Singapura. Langkah ini bertujuan mengelakkan timbul sebarang konflik yang boleh dieksploitasi oleh pentadbiran British di Singapura untuk campur tangan dalam hal ehwal domestik Johor. Dalam hal ini, sistem pentadbiran negeri dirombak dan disusun semula dengan menerapkan elemen-elemen moden Barat. Sistem pentadbiran bercorak birokrasi seperti mana yang diamalkan oleh pentadbiran British di Singapura mula diterapkan ke dalam pentadbiran Johor (Ahmad Fawzi Basri, 1988).

Sebuah Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan ditubuhkan untuk membantu dan menasihati pemerintah Johor dalam menjalankan pemerintahan negeri. Kerabat dan para pengikut Temenggung yang mempunyai latar belakang pendidikan Inggeris serta beberapa orang Peranakan Arab dan India Muslim Singapura yang berkebolehan telah diserap sebagai pentadbir untuk mengetuai jabatan-jabatan kerajaan yang ditubuhkan. Selaras dengan itu, beberapa portfolio pentadbiran seperti Jabatan Marin, Jabatan Polis, Jabatan Pergudangan, Jabatan Kerja Raya dan Tanah, Jabatan Penjara, dan Jabatan Perubatan selaras dengan keperluan pada waktu itu (SSD, 1975). Inisiatif Sultan Abu Bakar memperbaharui pentadbiran negeri secara tidak langsung menutup ruang dan peluang buat pentadbiran British di Singapura untuk campur tangan dalam hal ehwal domestik negeri Johor.

Pada masa yang sama, pergaulan dengan komuniti Eropah di Singapura serta pengalaman bertindak sebagai orang tengah dalam menyelesaikan kemelut politik di negeri-negeri Melayu yang lain seperti di Perak dan Selangor memberi kesedaran kepada Sultan Abu Bakar mengenai kecenderungan pentadbir British di Singapura menggunakan alasan salah laku tadbir urus untuk menempatkan wakilnya di negeri Johor. Oleh sebab itu, pemerintah Johor itu giat menambah baik sistem perkhidmatan negeri untuk membuktikan bahawa Johor ditadbir urus dengan baik di bawah pemerintahannya. Hal ini dibuktikan menerusi kejayaan Sultan Abu Bakar menghalang beberapa

siri percubaan pentadbiran Gabenor Negeri Selat di Singapura untuk meluaskan cengkaman imperialismenya ke negeri Johor semasa hanyatnya (Rahman Tang, 2007).

Sebagai contoh, pada tahun 1885, Gabenor Negeri Selat iaitu Sir Frederick Aloysius Weld memanfaatkan waktu cutinya di England untuk melobi Pejabat Tanah Jajahan agar memberi kebenaran kepadanya untuk campur tangan di negeri Johor (CO 273/132, 29 Ogos 1884). Dalam komunikasinya dengan Pejabat Tanah Jajahan, Sir Frederick Weld memberikan gambaran negatif terhadap tadbir urus negeri Johor di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar. Pemerintah Johor dikatakan cuba untuk membawa masuk pengaruh kuasa Barat lain di negeri Johor iaitu Perancis menerusi tindakan kerajaan Johor memberikan konsesi tanah dalam skala besar dan monopoli ekonomi kepada Johannes Mooyer dan Syarikat *Malayan Peninsular Agency* pada tahun 1872 dan 1878. Weld berpendapat tindakan tersebut bukan sahaja merugikan Johor, tetapi pada masa yang sama berpotensi mengundang campur tangan asing ke negeri Johor (Thio, 1967). Gabenor Negeri Selat itu mengaitkan penglibatan firma kewangan Perancis dalam Syarikat *Malayan Peninsular Agency* yang diberikan hak eksklusif untuk memperkenalkan mata wang dan sistem perbankan di negeri Johor (CO273/138, 14 Mei 1885). Pada masa yang sama, Weld menegaskan bahawa sistem perbankan yang tidak seragam antara Johor dengan Singapura akan menjejaskan kepentingan ekonomi British di negeri itu. Oleh yang demikian, Gabenor Negeri Selat itu mendesak agar Pejabat Tanah Jajahan memberi kebenaran kepadanya untuk menempatkan Residen British di negeri itu (CO 273/132, 29 Ogos 1884).

Sultan Abu Bakar yang mendapat maklumat mengenai perkara tersebut bertindak menjemput pemangku jawatan Gabenor Negeri Selat iaitu Sir Cecil Smith mengadakan lawatan kerja ke negeri Johor untuk memeriksa sendiri keadaan di negeri itu (CO273/133, 21 Mac 1885). Smith yang melawat Johor pada 12 hingga 14 Mac 1885 dalam laporan yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah Jajahan, menyatakan bahawa organisasi pentadbiran negeri yang berada pada tahap yang baik. Berdasarkan pemerhatiannya, Smith menyatakan terdapat bukti yang jelas mengenai kewujudan organisasi pentadbiran yang baik dan teratur serta kemajuan dalam sektor perkhidmatan awam di mana terdapat beberapa portfolio pentadbiran seperti yang terdapat di negeri-negeri Selat (CO273/133, 21 Mac 1885).

Bahkan Smith yang memanfaatkan lawatannya ke Johor untuk meninjau dan memeriksa institusi awam dan kerja raya di Johor menzahirkan kekagumannya terhadap kerja-kerja perbandaran di bawah Jabatan Ukur Tanah dan keadaan Hospital Besar Johor Bahru yang pada pandangannya berada dalam keadaan '*fair order*' (CO273/133, 21 Mac 1885). Laporan yang dikemukakan oleh Smith itu tadi telah mendorong Pejabat Tanah Jajahan British untuk tidak meluluskan permohonan Sir Frederick Aloysius Weld untuk meluaskan campur tangan British di negeri Johor (CO273/133, 21 Mac 1885). Hal ini secara tidak langsung membuktikan langkah Sultan Abu Bakar memperbaharui tadbir urus negerinya berjaya mengekang campur tangan British.

Khidmat Bantuan Penasihat Eropah untuk Mengelak Campur Tangan British

Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan politik keluarga Temenggung di Singapura, Temenggung Ibrahim mengamalkan pendekatan berbaik-baik dengan pentadbir British dan komuniti pedagang di Singapura. Selain membantu pentadbiran British membanteras kegiatan lanun di Selat Melaka dan perairan Johor, Temenggung Ibrahim juga turut aktif melibatkan diri sebagai orang tengah dalam membantu pentadbiran British di Singapura menyelesaikan konflik domestik di Tanah Melayu (Rahman Tang, 2007).¹ Jaringan persahabatan dengan pentadbir British

dan komuniti pedagang di Singapura dimanfaatkan oleh Temenggung Ibrahim untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan baik dalam aspek politik mahupun ekonomi. Tidak cukup dengan itu, Temenggung Ibrahim telah mengambil pendekatan menongkah arus dengan merintis pendekatan menggunakan khidmat pengamal undang-undang di Singapura sebagai penasihat. Temenggung Ibrahim telah melantik William Napier² sebagai penasihat undang-undang baginda dari pertengahan tahun 1855 hingga 1860.

Melihat keberkesanan pendekatan ini dalam menguruskan hubungan Johor dengan pentadbiran negeri Selat di Singapura, Sultan Abu Bakar bertindak meneruskan pendekatan ini secara intensif. Tidak hanya golongan pengamal undang-undang, pemerintah Johor itu turut melantik golongan pedagang dan tokoh Eropah berpengaruh di Singapura sebagai penasihat peribadinya (Khoo Kay Kim, 1967). Antara tokoh Eropah berpengaruh yang dilantik oleh Sultan Abu Bakar ialah William Hole yang juga editor bersama *Singapore Free Press* Abraham Logan³. Di samping itu, Sultan Abu Bakar juga sempat mendapatkan khidmat peguamcara berpengaruh di Singapura yang kemudiannya dilantik sebagai *Crown Counsel* iaitu Thomas Braddell⁴ untuk bertindak sebagai agen politiknya. Sewaktu berkhidmat di Dewan Perundangan Singapura, Thomas Shelford merupakan antara individu yang lantang membantah usaha pentadbiran Negeri Selat untuk menempatkan wakil British di negeri Johor.

Peguam-peguam yang dilantik oleh Sultan Abu Bakar ini tidak hanya berperanan sebagai penasihat undang-undang yang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan sewaktu berurusan dengan pentadbiran British di Singapura tetapi turut bertindak sebagai agen politik yang bertanggungjawab melindungi kepentingan Sultan Abu Bakar dan negeri Johor dari sudut perundangan. Perlu dijelaskan dalam perbincangan ini bahawa penasihat undang-undang Sultan Abu Bakar seperti seperti William Napier, Willaim Hole, J.C Logan, Thomas Braddell dan Thomas Shelford merupakan antara tokoh-tokoh yang berpengaruh di Singapura. Selain mempunyai akhbar, mereka juga mempunyai kedudukan dan jawatan dalam Dewan Perdagangan Singapura dan Dewan Perundangan Singapura. Dalam hal ini, para penasihat Sultan Abu Bakar ini akan menggunakan status dan kedudukan mereka untuk bertindak mewakili kepentingan politik Sultan Abu Bakar. Suara dan pengaruh mereka dalam Dewan Perdagangan Singapura dan Dewan Perundangan Singapura digunakan untuk mempertahankan kedudukan politik pemerintah Johor itu dan melobi untuk kepentingan negeri Johor. Sementara itu, akhbar *Singapore Free Press* dijadikan lidah untuk memperjuangkan kepentingan Johor serta melaporkan perkembangan dan kemajuan negeri Johor (Wake, 1966).

Dalam aspek ekonomi pula, firma perdagangan terkemuka di Singapura iaitu *Peterson, Simon & Co.*⁵ telah dilantik sebagai agen perdagangan yang bertanggungjawab mengeksport dan memasarkan hasil bumi Johor ke Eropah manakala James Meldrum pula diberi konsesi untuk mengusahakan industri balak di Johor.⁶ *Peterson, Simon & Co.* merupakan syarikat pertama yang merintis usaha membawa masuk getah perca ke pasaran England. Tidak hanya bertanggungjawab mengeksport getah perca yang banyak terdapat di tanah besar Johor menerusi kargo milik mereka, syarikat tersebut turut bertindak agen pemasaran yang memasarkan komoditi tersebut di pasaran Eropah.

Selepas tahun 1867, firma guaman *Rodyk & Davidson*⁷ milik J.G Davidson yang merupakan bekas Residen British di Selangor dan Perak telah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Sultan Abu Bakar. Pada masa yang sama, firma guaman yang beribu pejabat di Singapura ini turut bertindak sebagai agen politik yang bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal luar Johor. Perubahan dasar luar British berkaitan tanah jajahan pada akhir kurun ke-19 rentetan kemenangan Parti Konservatif dalam pilihan raya pada tahun 1874 menyaksikan dasar tidak

campur tangan British di negeri-negeri Melayu dimansuhkan (Mohd Zaini & Ahmad Zaidi, 2014). Dalam hal ini, Pejabat Tanah Jajahan didesak mengambil pendekatan yang lebih agresif untuk meluaskan perluasan kuasa British di Tanah Melayu. Situasi ini menyaksikan campur tangan British di beberapa buah negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Pahang dan Sungai Ujong. Negeri Johor juga tidak terlepas dari terkena tempias perubahan tersebut. Dalam beberapa kes pada penghujung kurun ke-19, pentadbiran British di Singapura acap kali memberi tekanan politik kepada pentadbiran Johor dan Sultan Abu Bakar dalam rangka meletakkan penasihat British di negeri tersebut.

Menyedari kemungkinan ancaman imperialisme British, Sultan Abu Bakar pada tahun 1883 bertindak menubuhkan sebuah jemaah penasihat yang dikenali sebagai Lembaga Penasihat Johor (*Johore Advisory Board*). Beribu pejabat di London, Lembaga Penasihat Johor ini terdiri daripada bekas pentadbir British yang berpengaruh seperti W. Fielding,⁸ Bernard Rodyk⁹ dan G. W. Brown. Selaras dengan peningkatan tekanan oleh pentadbiran British di Singapura untuk mencampuri hal ehwal domestik negeri Johor, Lembaga Penasihat Johor diperkasakan menerusi perlantikan lebih ramai tokoh berprofil tinggi yang terdiri daripada pegawai-pegawai atasan Pejabat Tanah Jajahan seperti Robert Herbert dan Cecil Smith (Rahimah, 1997). Pengalaman dan statusnya sebagai seorang pegawai tinggi yang berkhidmat di Pejabat Tanah Jajahan telah dimanipulasikan oleh Sultan Abu Bakar untuk membendung cita-cita imperialisme Gabenor Negeri-negeri Selat ke atas Johor. Status dan pengaruhnya digunakan untuk melobi keputusan dan dasar Pejabat Tanah Jajahan terhadap negeri Johor. Dalam pada itu, menerusi kewujudan Lembaga Penasihat Johor ini, hal ehwal luar Johor dengan kerajaan British diuruskan terus dengan Pejabat Tanah Jajahan tanpa melalui perantaraan kerajaan Negeri-negeri Selat di Singapura (Rahimah, 1997).

Sumbangan *Messrs. Rodyk and Davidson, Johor Advisory Board* dan individu seperti Thomas Shelford dalam menentukan ‘*survival*’ kemerdekaan Johor sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Pelantikan *Messrs. Rodyk and Davidson* sebagai Penasihat Undang-undang sultan sememangnya memberi impak yang besar terhadap kemerdekaan Johor. Pelantikan tersebut kemudiannya dimantapkan lagi dengan kehadiran penasihat peribadi sultan yang digambarkan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat sebagai seorang penasihat Melayu yang bijak iaitu Dato’ Abdul Rahman bin Andak. Abdul Rahman Andak dan firma *Messrs. Rodyk and Davidson* adalah watak penting yang membantu menasihati Sultan Abu Bakar dalam bidang perundangan dan hal ehwal antarabangsa (CO 273/138, 9 Ogos 1885).

Malahan, firma guaman *Messrs. Rodyk and Davidson* dan Abdul Rahman bin Andak adalah watak utama yang menjayakan pendekatan diplomasi dan diplomatik Sultan Abu Bakar dalam mempertahankan kemerdekaan Johor khususnya sewaktu Perjanjian Persahabatan 1885 dan pemberian konsesi tanah kepada pelabur Eropah (C.O 273/138, 10 November 1895). Menerusi khidmat nasihat perundangan oleh firma guaman *Messrs. Rodyk and Davidson*, kerajaan Johor telah berjaya menarik masuk pelaburan asing untuk membangun dan memajukan negeri tanpa perlu berantung kepada bantuan kewangan British sekali gus menyukarkan pentadbiran British untuk campur tangan. Hal ini seperti mana yang dapat dilihat sewaktu peringkat awal rundingan pembinaan landasan kereta api yang menghubungkan Gemas dan Johor Baru pada akhir kurun ke-20. Keberkesanan langkah Sultan Abu Bakar mendapatkan nasihat perundangan daripada penasihat undang-undangnya dalam berhadapan dengan British sememangnya diakui oleh Gabenor Weld:

Now Messrs. Rodyk and Davidson are the confidential advisers of the Sultan and occupy in the counsels of Johore greatly to detriment of the Ruler and people of that territory, Sir Frederick Weld considers, the position held by Her Majesty's Residents in more fortunate Natives States. If this undertaking receives the support of favours asked from Lord Derby in the Secretary, Mr. Walshe's latter, the Sultan will fall more and more and to an undesirable degree under the influence and into the power of Messrs. Rodyk and Davidson (CO 273/130, 6 Oktober 1884).

Begitu juga dengan kewujudan *Johor Advisory Board* yang menjadi tembok penghalang kepada perluasan kuasa British di negeri Johor. Hubungan luar dan hal ehwal diplomatik Johor dengan pihak British dikendalikan oleh pihak *Johor Advisory Board*. Oleh yang demikian, Sultan Abu Bakar boleh berhubung terus dengan Pejabat Tanah Jajahan di London tanpa melalui perantaraan Gabenor Negeri Selat di Singapura. Oleh yang demikian, tidak hairanlah Sir John Anderson sewaktu menjawat jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura dari tahun 1904 hingga 1911 mendesak Pejabat Tanah Jajahan di London agar membubar dan memansuhkan *Johor Advisory Board* dengan alasan “... *I see no advantage but contrary in maintaining the advisory Board and shall be quite prepared to give the sultan every assistance in my power*” (CO 273/311, 4 Mei 1905)

Tindakan mendapat khidmat penasihat Eropah untuk mempertahankan kemerdekaan Johor mencerminkan kebijaksanaan pemerintah Johor dalam mengatur taktikal bagi menyekat imperialisme British. Pemerintah Johor dilihat memanfaatkan pengaruh tokoh-tokoh dalam *Johor Advisory Board* sebagai senjata dalam berhadapan dengan imperialisme British. Hal ini kerana penasihat-penasihat yang dilantik Sultan Abu Bakar terdiri daripada individu-individu yang berpengaruh baik di England mahupun di Singapura. Sebagai contoh, Pengerusi *Johor Advisory Board*, iaitu Sir Robert Herbert, dan timbalannya Sir Cecil Smith adalah bekas kakitangan Pejabat Tanah Jajahan (Rahimah, 1997). Meskipun tidak lagi berkhidmat dengan Pejabat Tanah Jajahan, namun mereka tetap mempunyai pengaruh untuk mempengaruhi keputusan Pejabat Tanah Jajahan. Hal ini diakui oleh Anderson yang menyatakan “... *the matter has been complicated by the personality of Sir Robert Harbet*”, sewaktu mengulas mengenai rundingan pembinaan landasan kereta api di Johor (CO 273/306, 5 Jun 1904).

Pengalaman dan status Sir Robert Herbert sebagai seorang pegawai tinggi yang berkhidmat di Pejabat Tanah Jajahan telah dimanipulasi-oleh Sultan Abu Bakar untuk membendung cita-cita imperialisme Gabenor Negeri-negeri Selat ke atas Johor. Hal ini dapat dilihat apabila usaha-usaha Gabenor Weld untuk campur tangan di Johor seringkali tidak mendapat sokongan daripada Pejabat Tanah Jajahan (Sinclair, 1967). Malahan, peranan yang dimainkan oleh agen-agen yang dilantik oleh Sultan Abu Bakar ini secara tidak langsung telah mempengaruhi sikap Pejabat Tanah Jajahan ke atas Johor seperti yang berlaku di Singapura (Sinclair, 1967).

Kaedah Diplomasi dan DiplomatiK dalam Memperjuangkan Kedaulatan Johor

Dalam usaha untuk menutup segala ruang dan peluang yang boleh menghalalkan campur tangan British di Johor, Sultan Abu Bakar memberi penekanan terhadap aspek hubungan diplomatik Johor khususnya yang melibatkan pentadbiran British di Singapura. Bagi memastikan hubungan diplomatik Johor diuruskan dengan baik, urusan berkaitan hal-ehwal luar dan diplomatik kerajaan Johor dengan kerajaan asing hanya diuruskan oleh Sultan Abu Bakar sendiri atau pembesar

tertentu sahaja sewaktu ketiadaannya di Johor. Hal ini dibuktikan melalui Surat Titah Perintah D.Y.M.M Maharaja Johor Sebelum Belayar ke Eropah 12 Jamadil Awal 1295 (1878):

“Tiap-tiap perkara yang berkenaan dengan kerajaan asing seperti Gabenor Inggeris dan lain-lain kerajaan dan kerajaan Sri Menanti, Penghulu Rembau, Yam Tuan Jelebu tiada dapat dijalankan pinta-meminta dan menyerah di antara kerajaan itu dengan kerajaan kita oleh Hakim dan *Commissioner* Polis dan lain-lain pegawai melainkan dengan tertib dengan seperti yang tersebut dalam fasal yang di bawah ini ... Jika diminta oleh Gabenor Inggeris menangkap atau menahan atau menyerahkan kepadanya akan sebarang orang salah sama ada dalam perkara jenayat atau wang maka semuanya itu tiada dapat disempurnakan melainkan dengan kebenaran Yang Maha Mulia Engku Majid kerana ia ada di Singapura tetapi tiap-tiap kebenaran itu hendaklah ia putus mesyuarat dengan Tuan Yang Maha Mulia itu ... Jikalau ada suatu perkara sama ada dalam perkara jenayat atau wang yang hendak diminta oleh pihak kerajaan kita kepada Straits Gabenor hendaklah Yang Maha Mulia Engku Abdullah hantarkan permintaan itu kepada Engku Majid kemudian daripada putus mesyuarat dengan Datuk di atas perkara” (S.94, 28 Mei 1878).

Jika diteliti, urusan berkaitan hal-ehwal diplomatik negeri Johor yang melibatkan kerajaan British di Singapura diserahkan kepada kerabat terdekatnya iaitu Ungku Abdul Majid dan Ungku Abdul Rahman sekali gus mencerminkan betapa Sultan Abu Bakar sangat komited dalam menguruskan hubungan diplomatik negeri Johor. Bahkan Sultan Abu Bakar sendiri telah menetapkan prosedur dan tatacara pengurusan hal ehwal hubungan luar dan diplomatik yang mesti dipatuhi oleh adinda-adindanya sewaktu berurusan dengan kerajaan asing.

Dari sudut pandang lain, langkah tidak memberi autoriti kepada sebarang pembesar Johor dalam menguruskan hubungan luar dan diplomatik Johor dengan kerajaan asing adalah bertujuan untuk mengelakkan konflik dan salah faham yang mungkin timbul dengan kerajaan asing sekiranya urusan tersebut diuruskan oleh pembesar yang tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran. Dalam konteks hubungan diplomatik Johor, penekanan tidak hanya diberikan terhadap hubungan kerajaan British di Singapura semata-mata. Bahkan, hubungan diplomatik antara kerajaan Johor dengan negeri-negeri Melayu yang lain turut diberi penekanan sebaik mungkin oleh Sultan Abu Bakar. Dalam konteks ini, pengaruh dan hubungan baiknya dengan pemerintah Melayu lain dimanfaatkan Sultan Abu Bakar untuk menjadi ‘orang tengah’ dalam menyelesaikan konflik politik di negeri-negeri Melayu seperti di Perak, Selangor dan Pahang (Rahman Tang, 2007).

Menerusi penglibatannya itu, Sultan Abu Bakar telah membuktikan kepada Pejabat Tanah Jajahan bahawa beliau adalah calon sesuai untuk dijadikan ‘sekutu’ British. Peranan yang dimainkannya selaku ‘*peace maker*’ di negeri-negeri Melayu secara tidak langsung menyebabkan Pejabat Tanah Jajahan berbelah bahagi sama ada ingin menyokong gagasan imperialisme ke atas Johor seperti yang disarankan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. Hal ini diakui oleh A. Rahman Tang Abdullah yang menyatakan:

Clearly, they intend to use Abu Bakar to achieve this course. In this circumstance, Abu Bakar’s role in accommodating the British expansion in Pahang in the 1880s was the reason why the Colonial Office adopted such a lenient attitude towards Abu Bakar (Rahman Tang, 2007. 141)

Selaras dengan peredaran zaman, kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara tidak lagi bergantung kepada kekuatan ketenteraan semata-mata. Sebaliknya, kemahiran berdiplomasi dan berdiplomatik juga memainkan peranan penting dalam menentukan *'survival'* kemerdekaan sesebuah negara. Oleh yang demikian dalam rangka mengekang imperialisme British di Johor, Sultan Abu Bakar banyak menghabiskan masanya di Eropah untuk menjalin hubungan persahabatan dengan pemimpin utama dunia. Status Singapura selaku pusat pentadbiran British di kepulauan Melayu menyaksikannya menjadi tempat tumpuan dan persinggahan pemodal, pemimpin serta delegasi Eropah. Oleh yang demikian, Sultan Abu Bakar telah mengeksploitasi kedudukan geografi Johor yang terletak berhampiran dengan Singapura sebagai platform untuk memperluaskan jaringan diplomatik kerajaan Johor dengan kerajaan negara lain.

Melalui Singapura serta hubungan rapatnya dengan pegawai-pegawai British, Sultan Abu Bakar dapat bergaul dan bersahabat dengan pemimpin-pemimpin Eropah melalui kunjungan hormat ke atas mereka yang singgah di Singapura. Sebagai contoh, Sultan Abu Bakar telah menjalin persahabatan dengan HRH Tommaso of Savoy, Duke of Genoa yang merupakan sepupu kepada Raja Itali pada tahun 12 Julai 1877 sewaktu HRH Tommaso of Savoy singgah di Singapura selama lapan hari (Candilo & Bressan, 2020). Persahabatan Sultan Abu Bakar dengan HRH Tommaso of Savoy ini merupakan kunci kejayaan yang membolehkan Sultan Abu Bakar mengadakan pertemuan empat mata dengan Raja Itali di istana Quirinale dan Pope Leo XIII pada 24 April 1885 (Candilo & Bressan, 2020).

Sepanjang pemerintahannya, Sultan Abu Bakar telah mengadakan 11 kali lawatan kerja ke luar negara. Daripada Jumlah tersebut, 7 daripadanya adalah lawatan kerja ke England iaitu pada tahun 1866, 1875, 1878, 1885, 1890, 1893 dan 1895 (Rahman Tang, 2011). Sewaktu di England pada tahun 1893, Sultan Abu Bakar sempat mengadakan lawatan kerja ke beberapa negara Eropah seperti Jerman, Itali, Austria, dan Turki serta berjumpa dengan beberapa orang pemimpin utama dunia (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930). Kesempatan berada di Eropah dimanfaatkan oleh Sultan Abu Bakar untuk menjalin hubungan dengan Kerajaan Turki Uthmaniyah apabila beliau melawat negara tersebut sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1879 dan 1893. (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930) Hubungan erat Sultan Abu Bakar dengan kerajaan Turki diterjemahkan menerusi pengurniaan pingat kebesaran oleh Sultan Abdul Hamid kepada Sultan Abu Bakar dan Dato' Abdul Rahman Andak yang mengiringinya.

Selain Eropah, Sultan Abu Bakar turut mengadakan lawatan ke negara Asia yang lain seperti di Calcutta, India pada tahun 1875, Kepulauan Jawa pada tahun 1881 dan negara Asia Timur seperti China, Hong Kong dan Jepun pada 1883. Lawatan kerja ke Eropah tidak hanya digunakan untuk menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan England semata-mata. Sebaliknya, Sultan Abu Bakar turut memanfaatkan lawatan kerjanya ini untuk menjalin persahabatan dengan beberapa buah negara-negara Eropah yang lain dengan *"...melawat beberapa raja besar-besar dalam kerajaan Eropah iaitu Kaisar Jerman, Raja Itali, Raja Austria dan lain-lain sahabatnya"* (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930. 39). Pendekatan tersebut ternyata membuahkan hasil kerana sepanjang era pemerintahan Sultan Abu Bakar dari tahun 1862 hingga 1895, pentadbiran British di negeri Selat tidak berjaya-menempatkan Residen-nya di negeri Johor seperti mana yang dilakukan di negeri-negeri Melayu yang lain (CO 273/154, 15 September 1888).

Situasi ini bertitik-tolak daripada kebarangkalian Sultan Abu Bakar meminta bantuan Ratu Victoria untuk membatalkan campur tangan British serta kekhuatiran kemungkinan Sultan Abu Bakar mengheret negara-negara Eropah yang lain untuk campur tangan di Johor sebagai tindak balas. Selain itu, lawatan kerja ke negara-negara Eropah dan Asia Timur adalah bermatlamatkan untuk menghebahkan kewujudan Johor sebagai sebuah negara yang berdaulat di samping

mengabsahkan kedudukan Sultan Abu Bakar selaku pemerintah bagi kerajaan Johor dan jajahan takluknya.

Perjanjian Persahabatan 1885 Sebagai Benteng Kedaulatan Johor

Sewaktu di England, Sultan Abu Bakar mengambil kesempatan untuk menjalin hubungan persahabatan dengan pembesar-pembesar Britain. Hubungan yang rapat antara Sultan Abu Bakar dengan beberapa orang pembesar di England secara tidak langsung membolehkan beliau mendapat khidmat nasihat dan panduan dalam usaha untuk memelihara kedaulatan Johor. Situasi ini dimanfaatkan oleh Sultan Abu Bakar untuk mendapatkan jaminan kemerdekaan Johor daripada istana Britain. Menerusi bantuan kenalan politiknya, Sultan Abu Bakar berjaya mengatur pertemuan dan menjalin hubungan persahabatan dengan Ratu Victoria hingga membawa kepada termeterainya perjanjian Persahabatan 1885. Hal ini seperti mana yang dinukilkan oleh Muhammad Said Haji Sulaiman dalam *Hikayat Johor*:

Syahdan adalah hal Yang Maha Mulia pada masa di England adalah beberapa kali dapat berjumpa dengan Yang Maha Mulia Queen maka pada 25 hari bulan Februari 1891 disilakan oleh Yang Maha Mulia Queen akan Baginda serta pengiringnya ke istana Winsdor bagi santap bersama-samanya... dikeliling meja itu sebanyak lima belas orang ialah pada kerusi-kerusi yang ditentukan maka Yang Maha Mulia Sultan itu bersama di sebelah kanan Yang Maha Mulia Queen dan lagi dua orang dari kiri Yang Maha Mulia Queen itu Yang Mulia Ungku Muhammad maka kesemuanya yang bersama keliling meja itu daripada darah raja-raja belaka. Setelah habis daripada jamuan itu dibawalah oleh yang Maha Mulia Queen akan baginda ke bilik lain bercakap berjam-jam lamanya (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930. 36).

Jika dianalisis, perjanjian ini mempunyai signifikan yang cukup besar terhadap kemerdekaan negeri Johor. Hal ini demikian kerana perjanjian ini secara tidak langsung telah mengiktiraf Johor sebagai sebuah kerajaan yang merdeka seperti yang tercatat pada mukadimah perjanjian ini yang menyatakan "...adalah surat perjanjian ini atas beberapa perkara yang khas berkenaan dengan perhubungan *Her Majesty Government of the Straits Settlements* dengan kerajaan Johor yang merdeka" (Perjanjian Persahabatan 1885). Bahkan *Hikayat Johor* karya Muhammad Said Sulaiman yang diterbitkan seawal tahun 1910 secara terang dan jelas menerangkan bahawa tujuan keberangkatan Sultan Abu Bakar ke England pada 25 Mac 1885 adalah dalam kerangka untuk:

"Berunding mencari suatu jalan hendak menetapkan kerajaan Johor itu dalam kemerdekaan maka akhirnya dibuka oleh tuhan suatu rundingannya iaitu baiklah berangkat ke England supaya beroleh sesuatu pertolongan bagi menghasilkan maksudnya itu" (Muhammad Said bin Sulaiman, 1930. 25).

Pada masa yang sama, terma-terma yang terkandung dalam Perjanjian Persahabatan 1885 ini secara tidak langsung mencerminkan kepekaan dan pemikiran kritis Sultan Abu Bakar dalam mempertahankan kedaulatan negeri Johor. Fasal pertama perjanjian ini misalnya, merupakan manifestasi daripada iklim politik di rantau Asia Tenggara pada ketika itu sehingga

membimbangkan Sultan Abu Bakar dan juga pihak British di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana menjelang tahun 1894, Perancis telah berjaya menakluki Indochina manakala Itali pula sejak tahun 1870-an giat mencari penempatan di Kepulauan Melayu (Perjanjian Persahabatan 1895).

Oleh yang demikian, adalah wajar bagi Johor untuk memperkukuhkan benteng pertahanannya dengan mendapatkan jaminan bantuan ketenteraan daripada Negeri-negeri Selat sekiranya diserang oleh musuh khususnya Perancis. Jadi, fasal pertama perjanjian ini mewajibkan kerajaan Negeri Selat dan Johor "...bersatu menjaga langgaran musuh luar atau dalam" (Perjanjian Persahabatan 1895).¹⁰ Malah, fasal kelima perjanjian ini memberikan autoriti kepada pegawai British untuk memasuki perairan Johor secara bebas dalam usaha untuk memastikan Johor bebas daripada sebarang ancaman luar (Perjanjian Persahabatan 1895). Sewaktu menjalinkan hubungan diplomatik, Sultan Abu Bakar mengamalkan konsep '*win-win solution*' di mana terma-terma di dalam perjanjian yang dimeterai itu tidak hanya menguntungkan Johor semata-mata. Sebaliknya turut memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Situasi ini dapat dilihat dalam fasal pertama dan ketujuh Perjanjian Persahabatan 1885 di mana kerajaan Johor bersetuju untuk bekerjasama dengan British bagi membanteras kegiatan jenayah melalui saling menyerahkan penjenayah yang dikehendaki serta membuka kawasan perairannya kepada pegawai-pegawai British.

Jika diteliti fasal-fasal ini seakan-akan menggadai kedaulatan Johor apabila Pegawai British dibenarkan bebas untuk keluar masuk perairan Johor serta bebas untuk menangkap pesalah di negeri Johor dalam usaha memastikan kepentingan ekonomi British di Singapura terjamin. Ironinya, muslihat di sebalik fasal ini ialah Sultan Abu Bakar ingin menutup segala kepincangan pentadbiran Johor dalam membanteras jenayah serta memanipulasikan kepakaran British dalam ketenteraan laut untuk menghapuskan ancaman lanun. Hal ini demikian kerana masalah jenayah dan kegiatan lanun sememangnya merupakan 'duri dalam daging' yang seringkali dimanipulasi oleh British untuk campur tangan dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu (Kratoska, 1983). Justeru, langkah ini dilihat telah menutup ruang British untuk merampas kedaulatan Johor.

Selain itu, fasal kedua dan keempat Perjanjian Persahabatan 1885 secara tidak langsung mencerminkan wawasan Sultan Abu Bakar untuk memantapkan ekonomi Johor dalam usaha menghadapi asakan imperialisme British. Oleh yang demikian, tindakan menyamakan mata wang British dan Johor seperti yang termaktub dalam fasal keempat perjanjian ini dilihat bertujuan untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi Johor sekali gus menyediakan dana yang mencukupi bagi membolehkan pihak Johor menjalankan proses pemodenan dalam usaha untuk mengekang asakan imperialisme British. Selain itu, Sultan Abu Bakar turut mengeksploitasi fasal kedua perjanjian ini dalam usaha membina sebuah landasan kereta api di negeri Johor bagi menjana ekonomi Johor.

Berdasarkan terma-terma dalam perjanjian ini, Sultan Abu Bakar dilihat tidak mengkhuatiri imperialisme British dan Belanda. Hal ini demikian kerana beliau sudah masak dengan selok-belok dan tipu muslihat British. Mengenai ancaman imperialisme Belanda pula, Sultan Abu Bakar percaya Belanda bukanlah merupakan ancaman besar terhadap kemerdekaan Johor kerana Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah menyekat cita-cita imperialisme Belanda terbatas di kepulauan Riau sahaja (Perjanjian Inggeris-Belanda 1824). Bagi memantapkan kedaulatan dan kemerdekaan Johor, Sultan Abu Bakar telah mengeksploitasi hubungan rapatnya dengan Ratu Victoria untuk melegitimasi kuasanya sebagai pemerintah sah kerajaan Johor (CO 273/95, 14 Ogos 1878). Melalui perjanjian ini, Ratu Victoria telah menunaikan permintaan Sultan Abu Bakar untuk mendapatkan gelaran sultan bagi negeri dan jajahan takluk Johor (Perjanjian Persahabatan 1885).

Hal ini sekali lagi mencerminkan kesungguhan Sultan Abu Bakar dalam mempertahankan kedaulatan Johor. Tindakan Sultan Abu Bakar mendapatkan keabsahan politik sebagai Sultan Johor daripada kerajaan Britain adalah selari dengan status kerajaan Britain yang merupakan antara kuasa dunia pada ketika itu. Pendekatan ini sama seperti yang dilakukan oleh kerajaan Melaka pada peringkat awal penubuhannya yang mendapatkan pengiktirafan dan mendapatkan perlindungan daripada China yang merupakan kuasa dunia dalam usaha untuk menangani ancaman Siam dan Majapahit. Pemberian gelaran Sultan kepada Sultan Abu Bakar menjadi tembok penghalang kepada imperialisme Belanda dan pada masa yang sama merupakan penawar kepada ancaman imperialisme pegawai-pegawai British di Negeri-Negeri Selat tatkala pentadbiran British di Singapura giat memperluaskan pengaruh di negeri-negeri Melayu lain.

Hal ini demikian kerana Perjanjian Persahabatan 1885 ini dimeterai antara kerajaan Johor dengan Frederick Arthur Atanley iaitu *His Majesty Secretary of the State for the Colony* yang mewakili *Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland*. Perjanjian ini secara tidak langsung mengangkat status Johor dalam hubungan diplomatik dengan kerajaan British. Dalam konteks perjanjian ini, hubungan Johor dengan kerajaan British adalah bersahabat sekali gus meletakkan kedudukan Sultan Abu Bakar lebih tinggi daripada Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura. Hal ini berbeza dengan beberapa buah negeri Melayu yang lain di mana statusnya merupakan negeri naungan British. Oleh yang demikian, pihak Belanda mahupun pegawai British tentunya akan berfikir dua kali jika ingin mengambil sebarang tindakan yang menggugat kedaulatan Johor.

Meskipun Perjanjian Persahabatan 1885 dilihat telah menggadaikan kemerdekaan Johor ke tangan British. Akan tetapi jika diteliti, tindakan Sultan Abu Bakar menandatangani perjanjian ini serta bertolak ansur dan 'bekerjasama' dengan British mirip dasar 'suai-faedah'¹¹ yang pernah diimplementasikan oleh Kedah dalam usaha menyekat imperialisme Siam. Malahan tindakan Sultan Abu Bakar bekerjasama dengan pihak British juga tidak ubah seperti tindakan yang diambil oleh Ibrahim Haji Yaakob dan *United Malays National Organization* (UMNO) yang bekerjasama dengan Jepun dan British dalam usaha untuk memerdekakan Tanah Melayu. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan pemikiran kritis Sultan Abu Bakar yang jauh melangkaui zaman dalam mempertahankan kedaulatan Johor.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 sebagai Kemuncak Perjuangan Sultan Abu Bakar dalam Mempertahankan kedaulatan Johor

Kejatuhan satu demi satu negeri-negeri Melayu ke dalam cengkaman imperialisme British pada akhir kurun ke-19 serta faktor kesihatan baginda semakin uzur, mendorong Sultan Abu Bakar mengambil tindakan drastik meminta agar jemaah menteri-menterinya mendrafkan sebuah rang undang-undang untuk diangkat sebagai perlembagaan rasmi yang menjadi panduan dalam segala ha-ehwal pentadbiran di negeri Johor. Draf rang undang-undang tersebut kemudiannya digubal oleh firma guaman *Messrs Rodyk and Davidson* dan kemudiannya dibawa kembali kepada pengetahuan kerabat-kerabat dan menteri-menteri kerajaan Johor untuk dimesyuaratkan (Fawzi Basri, 1999). Perlu ditekankan dalam perbincangan ini bahawa intipati kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor adalah cetusan buah fikiran kerabat-kerabat dan menteri-menteri kerajaan Johor yang bertungkus-lumus memerah otak bagi merealisasikan hasrat Sultan Abu Bakar (Muhammad Izuan, 2015). Peranan *Messrs Rodyk and Davidson* dalam konteks proses pengubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ini hanyalah sekadar menggubal draf undang-undang yang telah

dirangka oleh pentadbir Melayu ke dalam bentuk undang-undang moden yang diterima pakai oleh pihak Barat.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 merupakan kemuncak kepada perjuangan Sultan Abu Bakar dalam mempertahankan kedaulatan Johor (Muhammad Izuan, 2015). Hal ini demikian kerana undang-undang tubuh tersebut bukan sahaja merupakan perlembagaan bertulis yang berperanan sebagai manual ketatanegaraan. Bahkan pada masa yang sama, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor ini turut mengukuhkan prinsip raja berperlembagaan yang telah lama dipegang dalam amalan politik Johor. Dalam konteks Tanah Melayu, set perundangan bukan sahaja berperanan sebagai ‘buku manual’ untuk memantapkan pentadbiran negeri. Bahkan ia merupakan mekanisme yang membolehkan pemerintah memerintah dengan adil dan saksama seterusnya merangsang rakyat untuk menumpahkan taat setia (Wan Shamsudin, 2010). Dalam hal ini, Sultan Abu Bakar telah melakukan pengorbanan amat besar dan signifikan menerusi kesediaan baginda untuk menghadkan kuasanya sebagai raja dan pemerintah Johor yang sebelum ini berkuasa mutlak.

Menerusi persetujuannya terhadap terma-terma yang terkandung dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, Sultan Abu Bakar meletakkan baginda dan waris-warisnya yang mewarisi takhta kerajaan Johor terikat dan tertakluk dengan Undang-undang Tubuh. Dalam erti kata lain, baginda selaku raja dan pemerintah Johor tidak lagi boleh bertindak sesuka hati serta bebas membuat keputusan mengikut kehendak peribadi. Sebaliknya, segala tingkah laku, perbuatan, keputusan dan tindakan mempunyai konsekuensi undang-undang (Muhammad Izuan, 2015). Dalam aspek pemerintahan pula, baginda perlu menjalankan pemerintahan berdasarkan nasihat Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan serta perlu mematuhi garis panduan dan sekatan-sekatan yang telah ditetapkan. Dalam erti kata lain, tindak-tanduk, perbuatan dan tindakan pemerintah Johor kini tertakluk dengan undang-undang.

Seperti mana yang telah dijelaskan pada peringkat awal perbincangan, Sultan Abu Bakar menjadikan penggubalan Undang-undang Tubuh Negeri Johor ini sebagai platform untuk membendung perluasan kuasa British ke negeri Johor (Muhammad Izuan, 2015). Dalam konteks ini, sama ada gagal atau berjaya undang-undang ini mengekang campur tangan British bukanlah ukuran kejayaan atau keberkesanan Undang-undang Tubuh Negeri Johor. Sebaliknya, kelahiran set Undang-undang Tubuh ini sudah cukup untuk mencerminkan komitmen pemerintah Johor itu dalam mengekang imperialisme British serta memelihara kemerdekaan Johor khususnya dalam fasal ke-15 dan 16. Hal ini seperti mana yang diujahkan oleh Abdul Rahman Haji Ismail (2020) dalam makalahnya yang berjudul “Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Melayu Wacana Pensejarahan”:

“Pada 1895, Johor melangkah lebih jauh ke hadapan. Sesuai dengan pemikiran kuasa Barat yang meluaskan penjajahan mereka di timur, Sultan dan Jama’ah Pangkuan Johor meluluskan “Undang-undang Tubuh Negeri Johor”, satu tindakan yang bukan sahaja memperkukuhkan kedudukan Johor sebagai negara berdaulat, tetapi juga menyingkirkan satu sebab penting yang kemungkinan digunakan oleh British untuk campur tangan” (Abdul Rahman Haji Ismail, 2020. 61).

Mengambil iktibar daripada peristiwa politik di negeri-negeri Melayu yang lain menyaksikan raja-raja Melayu tunduk dan akur terhadap tekanan dan ugutan pegawai British, Sultan Abu Bakar berkenan meluluskan fasal ke-16 Undang-undang Tubuh ini memasukkan klausa tegahan dan

larangan bagi seorang raja daripada menyerahkan negeri Johor kepada kuasa asing. Fasal ke-16 ini dengan tegas menggariskan bahawa:

“Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri ini dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa” (J/PU 3: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*).

Fasal ini secara tidak langsung menjadi tembok penghalang kepada British untuk memperdaya pemerintah Johor agar menggadaikan kedaulatan Johor seperti yang dilakukannya terhadap pemerintah-pemerintah Melayu lain. Hal ini demikian kerana, kegagalan pemerintah Johor untuk mematuhi syarat ini dilihat sebagai mencabuli Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 yang membawa kepada termansuhnya kuasa pemerintah Johor seperti yang ditekankan pada bahagian akhir fasal ke-15 iaitu:

“Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larang dan tegahan ini jika raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian **tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia** lagi padanya” (J/PU 3: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*).

Fasal ke-15 dan ke-16 ini kemudiannya disulami dengan fasal ke-17, ke-18 dan ke-19 yang membenarkan seseorang sultan itu menarik diri sebagai ketua negeri sekiranya sudah tidak berminat untuk menjadi sultan atau mengalami keuzuran. Fasal ke-18 dan ke-19 pula menggariskan prosedur-prosedur bagi seseorang raja untuk meletak jawatan sebagai ketua negeri. Dalam konteks ini, jika seseorang sultan ingin menarik diri daripada kerajaan maka sultan tersebut hanya perlu menulis sepucuk surat yang menyatakan penarikan dirinya sebagai sultan. Surat itu kemudian hendaklah dicap dengan cap besar kerajaan dan tapak tangannya dengan disaksikan oleh tiga orang menteri. Fasal-fasal ini secara tidak langsung menterjemahkan kekentalan aspirasi pemerintah Johor dalam memelihara kedaulatan dan kemerdekaan negerinya. Hal ini demikian kerana maksud tersirat di sebalik rang undang-undang ini adalah hasrat pemerintah Johor itu untuk mempertahankan kedaulatan Johor memandangkan asakan imperialisme British yang semakin agresif menjelang kurun ke-20 (Muhammad Izuan, 2015).

Termaktubnya fasal ke-15 dan ke-16 ini di dalam Undang-undang Tubuh Johor bermakna walau apa pun yang terjadi, kemerdekaan negara Johor akan tetap terpelihara dan terjamin kerana bahagian mukadimah undang-undang ini menegaskan bahawa:

“Suatu undang-undang dan peraturan bagi memerintah dan mentadbir kerajaan yang dinamakan dia “Undang-undang Tubuh Kerajaan” iaitu yang akan berkekalan dan berpanjangan turun temurun menjadi dan bersifat undang-undang bagi kerajaan negeri dan rakyat kita menjadi satu pusaka yang tiada boleh diubah atau dipinda ditukar diorak dipecah atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan dibuka semula atau dibinasakan adanya” (J/PU 3: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*).

Meskipun fasal ke-64 membenarkan pindaan dilakukan ke atas undang-undang ini, namun pindaan tersebut tidak boleh "... mengubah meminda mengorak memecah dan membinasakan asas atau maksud dan tujuan" (J/PU 3: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*). Dalam erti kata lain, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 bukan sahaja berperanan sebagai perlembagaan rasmi negeri Johor yang menjadi panduan dan rujukan dalam segala urusan pemerintahan dan hal-ehwal pentadbiran tetapi pada masa yang sama merupakan manifestasi perjuangan Sultan Abu Bakar dalam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Johor.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah meskipun pentadbiran British berjaya campur tangan di negeri Johor sejak tahun 1910, namun Sultan Ibrahim masih mempunyai autonomi dan pengaruh yang besar di negeri Johor. Meskipun terpaksa menerima Penasihat Am British, namun Sultan Ibrahim masih tetap memainkan peranan penting dalam aspek pentadbiran dan pemerintahan negeri. Menerusi pengaruh dan autonominya, Sultan Ibrahim menempatkan dan mengekal pentadbir-pentadbir Melayu dalam organisasi pentadbiran negeri untuk mengimbangi pengaruh pegawai-pegawai British yang dibawa masuk untuk berkhidmat di negeri Johor.

Kesimpulan

Peredaran zaman menyaksikan kedaulatan sesebuah negara tidak lagi ditentukan oleh kekuatan bala tenteranya. Sebaliknya turut bergantung kepada kebijaksanaan pemerintah dalam merangka strategi sewaktu berhadapan dengan kemaraan imperialis. Situasi ini secara tidak langsung mengehendaki sesebuah negara diterajui oleh seorang pemerintah yang berkaliber. Dalam konteks negeri Johor, golongan pemerintah telah memainkan peranan penting mengekang kemaraan imperialisme British dalam usaha untuk mempertahankan kedaulatan Johor. Pemerintah Johor iaitu Sultan Abu Bakar telah berjaya mengurus tadbir negeri dengan baik serta memanfaatkan kemahiran diplomasi dan diplomatiknya untuk menghalang campur tangan British di negeri yang diterajuiinya itu. Menerusi pendekatan memodenkan pentadbiran negeri dan reformasi perundangan, Sultan Abu Bakar berjaya menutup ruang dan peluang untuk pentadbiran British di Singapura campur tangan dalam hal ehwal domestik Johor. Begitu juga dengan inisiatifnya mendapatkan khidmat pegawai Eropah untuk bertindak sebagai penasihat dan ejen politiknya yang membolehkannya menjalinkan hubungan persahabatannya dengan pemimpin utama dunia dan memeterai perjanjian dengan Istana Britain. Oleh itu, tidak hairanlah sepanjang hayatnya pentadbiran British di Singapura tidak pernah berjaya menempatkan wakilnya di negeri Johor. Bahkan, tindakan Sultan Abu Bakar menggubal Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 berjaya melengahkan kemaraan imperialisme British sekali gus menjadikan negeri Melayu terakhir yang ditakluki oleh British di Tanah Melayu. Perjuangan Sultan Abu Bakar mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Johor membuktikan penglibatan secara langsung golongan pemerintah dalam mempertahankan kemerdekaan tanah air daripada asakan imperialisme yang semakin rencam pada waktu itu.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Muhamad Hasrul Zakariah dan Profesor Madya Dr. Azmi Arifin dari Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang atas perkongsian ilmu dan idea serta menyokong penulis untuk menerbitkan artikel ini.

Nota

1. Sultan Abu Bakar terlibat membantu pihak British mengembalikan keamanan dan ketenteraman awam di negeri-negeri Melayu yang terlibat dengan konflik perebutan takhta dan perang saudara. Pada tahun 1874, Sultan Abu Bakar menghantar orang kanannya iaitu Dato' Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munsyi sebagai jurubahasa dan orang tengah untuk merundingkan untuk menamatkan kekacauan politik dan pergaduhan kongsi gelap di Perak yang menyaksikan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874. Begitu juga sewaktu tercetusnya perang saudara di Selangor. Sultan Abu Bakar menawarkan khidmatnya memujuk Raja Mahadi untuk meninggalkan Selangor dan tinggal di Johor bagi meredakan perang saudara yang berlarutan bertahun lamanya.
2. William Napier, dilahirkan Scotland pada tahun 1804 merupakan anak kepada seorang profesor dalam bidang perundangan. Beliau merupakan sahabat baik James Brooke sewaktu Rajah Putih itu memerintah Sarawak. Oleh sebab itu, beliau dilantik sebagai pemangku Gabenor Labuan dari tahun 1848 hingga 1850. Selain menceburi bidang perundangan, William Napier turut terlibat dalam bidang kewartawanan dengan mengasas dan menerbitkan akhbar mingguan di Singapura iaitu *Singapore Free Press*. C.H Wake, (1966). *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition* [Tesis PhD]. Australian National University.
3. Abraham Logan dilahirkan pada 31 Ogos 1816 di Berwickshire, Scotland merupakan salah seorang peguam terkemuka di Singapura yang juga merupakan pemilik *Singapore Free Press*. Sama seperti rakan kongsiya iaitu William Hole, Logan merupakan antara individu yang paling lantang mengkritik Temenggung Abu Bakar mengenai penglibatan pembesar Melayu itu membanteras kegiatan perlanungan di perairan Singapura menerusi *Singapore Free Press*. Beliau juga merupakan setiausaha Dewan Perdagangan Singapura dari tahun 1840 hingga 1869. Walau bagaimanapun, setelah menjadi penasihat undang-undang Temenggung, beliau memainkan peranan penting dalam membantu Temenggung Abu Bakar berkonfrantasi dengan Gabenor Negeri Selat iaitu Blundell. Logan menjadi penasihat Undang-undang Temenggung Abu Bakar dari tahun 1861 hingga 1867 dan 1884-1895. . C.H Wake, (1966). *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition*.
4. Thomas Braddel dilahirkan di Ireland pada 30 Januari 1823 sebelum meninggal dunia pada tahun 1891 di London. Memulakan karier di Tanah Melayu dalam sektor perladangan tebu di Pulau Pinang pada tahun 1844. Braddel kemudiannya menyertai Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1844 sebagai anggota polis. Sewaktu berkhidmat dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris, Braddel sambung pengajian dalam, bidang undang-undang sebelum meminggalkan syarikat tersebut untuk menubuhkan Firma guaman bersama Abraham Logan pada tahun 1862. Tidak lama selepas itu, Braddel dilantik menjadi *Crown Counselour* pada tahun 1864 sebelum berkhidmat sebagai Peguam Negara pada tahun 1867. C.H Wake, (1966). *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition*.
5. Syarikat ini pada asalnya dikenali dengan nama Ker, Rawson & Co merupakan antara syarikat tertua beroperasi di Singapura pada waktu itu. Ditubuhkan pada tahun 1835 sebelum dibubarkan pada tahun April 1859. William Wemyss Ker bersama rakan kongsiya iaitu William Paterson dan Henry Minchin Simons kemudiannya menubuhkan Peterson, Simon & Co pada Mei 1859. Syarikat ini menjalankan perdagangan import-eksport barangan komoditi seperti kapur barus, vanilla, bijih timah, sirip ikan yu, kopi dan permata. Syarikat ini turut mengeksport produk keluaran tropika seperti getah percha, kopra, nanas dari kawasan kepulauan Melayu ke Eropah. Pada masa yang sama, syarikat

- ini turut membawa masuk produk tekstil dan produk perkilangan daripada Eropah. . C.H Wake, (1966). *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition*.
6. James Meldrum adalah merupakan anak saudara kepada guru Sultan Ibrahim iaitu Paderi Keasbery. Beliau yang juga seorang jurutera telah membuka sebuah kilang menggergaji kayu di muara Sungai Sengget, Johor Bahru. Pokok-pokok balak yang banyak terdapat di hutan belantara di tanah besar Johor ditebang dan dihanyutkan menerusi jalan sungai untuk diproses di kilang milik Meldrum sebelum di eksport ke India dan China. James Meldrum turut terlibat dalam projek pembinaan infrastruktur seperti jambatan dan landasan keretapi di negeri Johor. Lihat, Mohd. Fadzil Othman, 1980. *Kisah pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi: dengan pengenalan dan anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.ms lix. Lihat juga, Lim Pui Huen, 2002. *Wong Ah Fook: Immigrant, Builder, and Entrepreneur*. Singapore: Times Editions. Ms.42.
 7. Firma guaman Rodyk & Davidson ditubuhkan pada tahun 1861 oleh R.C Woods dan J. G. Davidson. Apabila B. Rodyk menyertai mereka, nama firma ini ditukar kepada Rodyk & Davidson. . C.H Wake, (1966). *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition*.
 8. Janeral William Henry Adelbert Feilding merupakan pegawai tentera British yang berkhidmat sewaktu perang Crimean dan Perang Franco-Prussian. Dari tahun 1891 hingga 1894 beliau dilantik sebagai Kolonel untuk pasukan Coldstream Guards. Selepas perang, beliau dilantik mengetuai syarikat *Emigrants and Colonist Aid Corporation* yang bertanggungjawab menguruskan skim penghijrahan buruh-buruh ke negara jajahan Inggeris.
 9. Bernard Rodyk merupakan seorang pengamal undang-undang di Singapura juga merangkap penasihat peribadi Sultan Abu Bakar. Pada tahun 1877, beliau menyertai firma guaman Woods & Davidson menggantikan mendiang Robert Carr Woods yang meninggal dunia. Penyertaan Rodyk sebagai rakan kongsi kepada J.G Davidson membawa kepada kelahiran firma guaman Rodyk & Davidson.
 10. Fasal pertama Perjanjian Persahabatan 1895 ialah adapun kedua-dua kerajaan yang tersebut pada setiap masa akan bersama-sama dengan muhibah pada menentukan hal orang-orang yang mendiami dengan aman jajahan yang berjiran bagi mereka dan juga bersatu dalam hal menahani langgaran atas jajahan masing-masing daripada langgaran musuh dari luar dan pada berbalas menyerahkan orang-orang yang dituduh atau telah dihukumkan salah atas sebarang salah atas sebarang kejahatan atau kesalahan ilah mengikut syarat-syarat yang ditentukan diantara dua kerajaan yang tersebut.
 11. Dasar suai-faedah bermaksud Kedah hanya menerima kewibawaan kuasa asing dengan menghantar ufti kepada kuasa asing pada waktu tertentu bergantung pada situasi semasa. Kaedah ini secara tidak langsung menyelamatkan Kedah daripada diserang dan dijajah oleh kuasa asing seperti Siam dan Burma. Dasar ini juga mengakibatkan Kedah sering kali melompat dari satu kuasa penjajah ke kuasa penjajah yang lain. Sebagai contoh, ketika pengaruh dan kuasa Siam melemah pada 1809, Kedah mengambil pendekatan untuk memihak kepada Burma. Walau bagaimanapun, apabila Siam kembali kuat, Kedah di bawah pimpinan Sultan Ahmad Tajudin II mula berbaik-baik semula dengan Siam melalui tindakan Kedah menghantar bekalan tentera dan makanan serta bunga emas dan perak setiap tiga tahun sekali. Dasar suaifaedah Kedah ini menyaksikan Sultan Ahmad Tajudin II telah dianugerahkan gelaran Chao Phaya hasil kejayaannya dalam kempen ketenteraan di Thalang dan Perak. Lihat, Mohammad Isa Othman, 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 28.

Rujukan

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2008. "Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Wacana Persejaraan". Dalam Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Ariffin, & Nazarudin Zainun (Penyunting). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia Pengamatan Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Tang Abdullah. 2007. *Interpreting Abu Bakar, the Ruler of Johor (1862-1895): The Reconstruction of Selected Issues*. Tesis PhD University of London.
- Ahmad Fawzi Basri. 1999. "Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan dan Persuratan". Dalam Zainal Abidin Borhan et al. (Penyunting). *Warisan Persuratan Johor II Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Ahmad Fawzi Basri. 1988. *Johor 1855-1917, Pentadbiran dan Perkembangannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- C.O 273/138: Surat Sultan Ibrahim (Johor) kepada Colonial Office bertarikh 10 November 1895.
- Candilio, A. & Bressan, L. 2000. "Sultan Abu Bakar of Johore's Visit to The Italian King and The Pope In 1885". *JMBRAS* Vol. 73, No. 1 (278): 43-54.
- Chandra Muzaffar. 2020 *Protector?: An Analysis of the Concept and Practice of Loyalty in Leader-Led Relationships Within Malay Society (New Edition)*. Petaling Jaya: SIRD.
- CO 273/130: Surat Smith kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 6 Oktober 1884. Perpustakaan Universiti Malaya.
- CO 273/132: Surat Weld kepada Meade bertarikh 29 Ogos 1884.
- CO 273/132: Surat Weld kepada Meade bertarikh 29 Ogos 1884.
- CO 273/138: Surat Weld kepada Meade bertarikh 9 Ogos 1885.
- CO 273/154: Surat Smith kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 15 September 1888.
- CO 273/306: Surat Anderson kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 5 Jun 1904.
- CO 273/311: Anderson kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 4 Mei 1905.
- CO 273/95: Surat Sultan Abu Bakar (Johor) kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 14 Ogos 1878.
- CO273/133: Laporan Smith Kepada Pejabat Tanah Jajahan bertarikh 21 Mac 1885.
- CO273/138: Surat Weld kepada Lucas bertarikh 14 Mei 1885.
- Direktori Pentadbiran Negeri Johor. *Singapore Straits Directory* Tahun 1975.
- J/PU 3: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor (ANMCNJ).
- Khoo Kay Kim. "Johor in 190th Century a Brief Survey," *Journal of Historical Society*, Vol. VI, 1967/68: 78-96.
- Mahayuddin Haji Yahaya, 2001. *Islam di Alam Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Isa Othman. 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaini Bin Salleh & Ahmad Zaidi Bin Sulaiman. "The British Intervention Policy in the Malay States: A General Strategic View". *Zulfaqar International Journal of Politics, Defence & Security*. Vol. 1 (2014): 13-21.
- Muhammad Izuan bin Abdul Rahman, 2015, *Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957*. Tesis MA. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Said bin Sulaiman. 1930. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Singapura: Pejabat Cetak Malaya House Publishing House Limited.

- Paul H. Kratoska (Penyunting). 1983. *Honourbale Intentions Talks on British Empire in South East Asia Delivered at the Royal Colonial Institute 1874-1928*. Singapore: Oxford University Press.
- Perjanjian Persahabatan 1885*. ANMCNJ.
- Rahimah Abdul Aziz. 1997. *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.24: *Surat Titah Perintah D.Y.M.M Maharaja Johor Sebelum Belayar ke Eropah 12 Jamadil Awal 1295 (1878)*. ANMCNJ
- Shaharuddin Maaruf. 2014. *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu: Membelai Romantisme Dekaden (Edisi Baru)*. Petaling Jaya: SIRD.
- Sinclair, K. 1967. "British Advance in Johore 1885-1914", *JMBRAS*. Vol.40 No. 1: 93-110.
- Sinclair, K. 1967. "Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office policy Towards British Concessionaires and Investors". *Modern Asian Studies*, Vol. 1, Part. 4: 335-352.
- SSR R-39: *Gabenor Negeri Selat kepada Setiausaha Kerajaan India*, bertarikh 18 Jun 1861. Perpustakaan Universiti Malaya.
- SSR W48 Vol. I/II *Governor Miscellaneous Letters*: Surat Temenggung Sri Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri Selat bertarikh 28 September 1863. <https://www.nas.gov.sg/citizenarchivist/Documents/Collection/45> tarikh diakses pada 20 Januari 2020.
- Syed Husin Ali. 2014. *Raja-Raja Melayu (Kemajuan atau Kemunduran?)*. Petaling Jaya: SIRD.
- Thio. E. "British Policy towards Johore: from Advice to Control". *JMBRAS*. Vol. 40. No 1. 1967: 1-41.
- Wake, C.H. 1966. *Nineteenth Century Johore: Ruler and Realm in Transition*. Tesis PhD. Australia National University.
- Wan Shamsuddin Mohd. Yusof. 2010. "Persuratan Melayu Membentuk Peradaban Bangsa". Dalam, Mohd. Effendi Shamsuddin. *Himpunan Kertas Kerja Siri Kuliah Budaya 2009-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

